

16 NOV 2000

Apec-Mahathir

M'SIA SETUJU PUSINGAN BARU WTO DENGAN SYARAT AGENDA DIADAKAN

Oleh: S. Durga Varma dan Ahmad Fuad Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia bersetuju kepada pusingan baru perundingan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dengan syarat satu agenda diadakan.

Beliau berkata ini dipersetujui oleh ekonomi-ekonomi 21 anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) yang para pemimpinnya mengakhiri sidang kemuncak tidak rasmi mereka hari ini.

"Jika tiada agenda, maka tiada apa untuk dibincangkan," kata beliau kepada wartawan Malaysia pada persidangan media selepas sidang kemuncak dan mesyuarat dua hala dengan Presiden Rusia Vladimir Putin di Istana Darut Taqwa di sini.

Para pemimpin Apec mengeluarkan satu pernyataan panjang lebar dengan mereka mengisytiharkan, antara lain, keperluan melancarkan dengan segera pusingan baru bagi faedah semua anggota WTO, terutama ekonomi-ekonomi mundur dan sedang membangun.

Mereka juga bersetuju bahawa satu agenda yang seimbang menjawab kepada kepentingan dan kebimbangan semua anggota WTO patut dirumuskan dan diselesaikan secepat mungkin pada 2001 dan satu pusingan dilancarkan pada 2001.

Dr Mahathir melahirkan harapan agar janganlah ada lagi sebarang langkah untuk mengadakan mesyuarat sampingan dalam badan perdagangan 139 anggota itu kerana ini tidak berperaturan dan bahawa ia akan dipandang sebagai perjumpaan rasmi.

"Sebagai sebuah organisasi, WTO mestilah berperaturan dan mestilah ada keadaan teratur tertentu dalam agenda itu agar tiada sesiapa melepasi dan memaksa pandangan mereka ke atas pihak-pihak lain," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa pandangan am adalah bahawa kita patut mengadakan satu pusingan pada 2001, tetapi ia mestilah didahului di dalam satu agenda. Ia adalah satu syarat yang kita telah persetujui," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat bukti perjumpaan-perjumpaan sampingan berlaku di Seattle apabila perundingan WTO yang gagal diadakan tahun lalu dan ini tidak memanfaatkan sebarang pihak.

Dr Mahathir juga berkata bahawa WTO yang berpusat di Geneva adalah sebuah organisasi sah.

Oleh itu, peraturan-peraturan perdagangan bebas (FTA) di antara negara-negara bukanlah untuk kepentingan terbaik "kerana FTA boleh menempuh masalah mereka sendiri terutama apabila mereka mengadakan halangan-halangan bukan tarif -- yang sebenarnya bersamaan dengan atau tidak berbeza seperti cukai dan ini tidak memanfaatkan sesiapa," katanya.

Dr Mahathir juga berkata hendaklah ada satu agenda supaya WTO lebih terfokus dan yang patut dipersetujui oleh setiap negara dan syarat-syarat diseragamkan.

Beliau berkata sebagai contoh, banyak negara bimbang terhadap anti-longgokan dan ini adalah betul kerana barangan eksport biasanya lebih murah daripada harga di dalam negara itu kerana faktor-faktor domestik.

Katanya samalah seperti kereta Proton, "ia lebih mahal di Malaysia daripada di seberang laut."

Ketika ditanya mengenai pandangan beliau mengenai mesyuarat dan sidang kemuncak Apec yang baru berakhir, Dr Mahathir berkata ia berjalan lancar.

Banyak isu ditimbulkan dan perbincangan berjalan lancar dan teratur, katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat juga perbincangan dengan Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) dan isu-isu dan masalah-masalah ditimbulkan oleh masyarakat perniagaan diambil kira.

Beliau berkata bahawa globalisasi dan WTO adalah tumpuan utama mesyuarat Apec tahun ini.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata "pendapat mereka tidak banyak berbeza daripada pendapat kita."

Katanya satu alasan dibuat bahawa semua pihak mendapat faedah daripada globalisasi.

Apec dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Mesyuarat Apec dan sidang kemuncak akan datang akan diadakan di Shanghai, China.

-- BERNAMA

DVS/AFY MR/MFJ OS MA FAZ